

9 FEB 1996

Mahathir - Rancangan

PM AKAN BENTANG RANCANGAN MALAYSIA KETUJUH DI PARLIMEN APRIL INI

KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan membentangkan Rancangan Malaysia Ke-7 (RM Ke-7) di persidangan Parlimen pada penghujung April ini.

Perdana Menteri berkata selepas Parlimen meluluskannya rancangan lima tahun itu akan dilaksanakan secepat mungkin.

"Sesetengahnya (beberapa aspek dalam RM-7) itu telahpun dilaksanakan," kata beliau ketika ditemui selepas beliau menghadiri majlis berbuka puasa anjuran Persatuan Badminton Malaysia (BAM) di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata Unit Perancang Ekonomi telah memberi taklimat kepada kabinet hari ini mengenai RM-7.

"Kita juga beri pandangan dan umumnya kita setuju (dengan saranan EPU itu)," kata beliau.

Perdana Menteri berkata Kabinet dalam mesyuarat khasnya hari ini telah menyemak dengan teliti draf RM-7 dan berperdapat beberapa penambahan perlu dibuat terhadap draf itu.

Mesyuarat selama lebih lapan jam itu diadakan di Jabatan Perdana Menteri pukul 9 pagi ini untuk membincangkan mengenai RM-7.

Ketika ditanya sama ada RM-7 akan mempunyai perbezaan ketara berbanding dengan rancangan-rancangan yang lepas, Dr Mahathir berkata: "Ada banyak juga difference (perbezaan) tetapi akan kita kemukakan."

Dr Mahathir Rabu lepas berkata di bawah rancangan pembangunan itu, kerajaan akan menukarkan strategi dan dasar pembangunan negara yang dibuat pada tahun 1960-an dan 1970-an.

Beliau berkata dasar dan strategi dahulu berbeza kerana pada masa itu ekonomi negara berasaskan kepada pertanian berbanding dengan perindustrian sekarang.

Yang hadir pada majlis itu ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali. -- BERNAMA